



MEDIA STATEMENT

NATIONAL ACCOUNTS CAPITAL STOCK STATISTICS 2020

The country's accumulated fixed asset investment recorded a value of RM5.17 trillion in 2020 grew by 2.7 per cent

PUTRAJAYA, 16 November 2021 – The Gross Capital Stock (GKS) which refers to the accumulated investment of the country's fixed assets recorded a value of RM5.17 trillion. Simultaneously, the Net Capital Stock (NKS) which represents the wealth of Malaysia's economy recorded a value of RM3.22 trillion in 2020, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. Capital Stock Statistics are compiled and published by kind of economic activity and type of asset.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, "NKS grew slowly at 1.8 per cent compared to 3.6 per cent in the previous year. From 2018 until now, the value of the national capital stock has grown slowly due to the declining Gross Fixed Capital Formation (GFCF). The slow growth momentum of capital stock can be seen more clearly in 2020, where there was a double-digit decline in GFCF at 14.5 per cent. This is due to the investment of fixed assets for all economic activities that were affected by the Movement Control Order (MCO) which was implemented over the past year following the outbreak of COVID-19. The magnitude of this decline is the worst on record since the 1998 Asian Financial Crisis. The impact of declining capital stock can also be seen in the world's major economies including the United States, Japan and the United Kingdom."

Based on the economic activity, capital stock for the Services sector grew slowly at 2.5 per cent compared to 4.2 per cent in the previous year. This was driven by the subsectors Transport & storage and information & communication which grew slowly at 0.4 per cent and Finance, insurance, real estate & business services which grew 5.8 per cent.

Capital stock for the Manufacturing sector recorded a marginal growth of 0.4 per cent compared to 3.5 per cent in 2019, influenced by Petroleum, chemicals, rubber & plastics products and Electrical, electronic & optical products which grew slowly at 0.8 per cent and 0.6 per cent respectively. Apart from that, Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products dropped by 0.8 per cent and Textiles and wood product decreased by 2.6 per cent.

Capital stock for the Mining and quarrying sector in 2020 declined 0.02 per cent from 1.3 per cent in the previous year. Meanwhile, the Construction sector recorded a growth of 4.3 per cent compared to 5.0 per cent in 2020, and the Agriculture sector recorded a growth of 1.6 per cent compared to 3.3 per cent in the previous year.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "Looking at the type of assets, Structure remained as the main contributor to the capital stock with a contribution of 80.2 per cent, equivalent to RM2.58 trillion supported by Other structure and Non-residential. The greater asset value of the Structure, as well as the longer lifespan compared to other assets, are major factors in the dominance of the Structure in the overall value of fixed assets in Malaysia. This was followed by Machinery and equipment with a contribution of 11.4 per cent worth RM368.86 billion, as well as Other assets with a contribution of 8.4 per cent and recorded RM270.25 billion. Malaysia's asset composition is similar to the asset composition of other countries, including South Korea and Singapore."

Summarising the overall situation of capital stocks in 2020, the Chief Statistician said, "The performance of capital stocks in the last three years has been deteriorating, coupled with the outbreak of the COVID-19 pandemic which has affected overall economic activity. The country's ability to continue to expand in the future will be disrupted if this slowdown in investment growth prolongs as it will have a detrimental effect on the production capacity. Investment in fixed assets, especially automation-oriented assets, needs to be increased in line with the industrial revolution 4.0 (4IR) for the country's transition to a high-income economy. Efforts towards reforming the investment ecosystem must be taken to ensure sustainable economic growth."

Thank you and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
16 NOVEMBER 2021**

APPENDIX

Chart 1: Annual Percentage Change of Net Capital Stock (NKS) and Gross Fixed Capital Formation (GFCF) at Constant 2015 Prices





Chart 2: NKS - Value and Annual Percentage Change at Current and Constant 2015 Prices



Notes: Based on *Measuring Capital OECD Manual 2001*, capital stock estimates provide information about the stock of capital available in an economy at a point in time. Capital stock consists of all fixed assets such as machinery, equipment, building and other structures used by enterprises to provide inputs of capital services into processes of production. It is one of the inputs in the output process that can be used to estimate future potential output. There are three different measures of capital stock: gross, net and productive.

Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Selasa, 16 November 2021



KENYATAAN MEDIA
AKAUN NEGARA PERANGKAAN STOK MODAL 2020

Pelaburan terkumpul aset tetap negara mencatatkan nilai RM5.17 trilion pada tahun 2020 bertumbuh pada 2.7 peratus

PUTRAJAYA, 16 November 2021 – Stok Modal Kasar (SMK) yang merujuk kepada pelaburan terkumpul aset tetap negara mencatatkan nilai RM5.17 trilion. Pada masa yang sama, Stok Modal Bersih (SMB) yang mewakili kekayaan ekonomi Malaysia merekodkan nilai RM3.22 trilion pada tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini. Perangkaan Stok Modal disusun dan diterbitkan mengikut jenis aktiviti ekonomi dan jenis aset.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “SMB tumbuh perlahan pada 1.8 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sejak dari tahun 2018 sehingga kini, nilai stok modal nasional bertumbuh perlahan berikutan Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) yang semakin menurun. Momentum pertumbuhan perlahan stok modal dapat dilihat dengan lebih jelas lagi pada tahun 2020, di mana berlakunya penurunan dua digit dalam PMTK iaitu sebanyak negatif 14.5 peratus. Ini adalah ekoran daripada pelaburan aset tetap bagi semua aktiviti ekonomi yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan sepanjang tahun lalu berikutan penularan wabak COVID-19. Magnitud penurunan ini merupakan yang terburuk telah direkodkan sejak Krisis Kewangan Asia 1998. Kesan yang sama dalam penyusutan stok modal ini juga boleh dilihat pada ekonomi utama dunia termasuklah United States, Japan dan United Kingdom.”

Berdasarkan kepada aktiviti ekonomi, stok modal bagi sektor Perkhidmatan tumbuh perlahan pada 2.5 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya. Ini didorong oleh subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi yang tumbuh perlahan pada 0.4 peratus dan Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan pada 5.8 peratus.

Stok modal bagi sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.4 peratus berbanding 3.5 peratus pada tahun 2019, dipengaruhi oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik serta Produk elektrik, elektronik & optikal yang masing-masing bertumbuh perlahan pada 0.8 peratus dan 0.6 peratus. Selain daripada itu, Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka

menurun 0.8 peratus dan produk tekstil dan kayu pula menyusut 2.6 peratus.

Stok modal bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian pada tahun 2020 menyusut 0.02 peratus daripada 1.3 peratus pada tahun sebelumnya. Manakala, sektor Pembinaan merekodkan pertumbuhan 4.3 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun 2020, dan sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.6 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Melihat kepada jenis aset, Struktur kekal sebagai penyumbang utama kepada stok modal dengan sumbangan sebanyak 80.2 peratus, bersamaan RM2.58 trilion yang disokong oleh Struktur lain dan Bukan kediaman. Nilai aset bagi Struktur yang jauh lebih besar, ditambah pula dengan jangka hayat yang lebih panjang berbanding aset lain, merupakan faktor utama dominasi Struktur dalam nilai keseluruhan aset tetap di Malaysia. Ini diikuti oleh Jentera dan peralatan dengan sumbangan sebanyak 11.4 peratus iaitu RM368.86 bilion, serta Aset lain dengan sumbangan sebanyak 8.4 peratus dan merekodkan RM270.25 bilion. Komposisi aset Malaysia adalah sama dengan komposisi aset negara-negara lain, termasuklah South Korea dan Singapore."

Merumuskan keseluruhan situasi stok modal pada tahun 2020, Ketua Perangkawan berkata, "Prestasi stok modal pada tiga tahun kebelakangan ini semakin merosot, ditambah pula dengan penularan pandemik COVID-19 yang telah menjaskankan keseluruhan aktiviti ekonomi. Keupayaan negara untuk terus berkembang pada masa hadapan bakal terganggu sekiranya kelembapan pertumbuhan pelaburan ini berlanjutan kerana ia akan menimbulkan kesan yang buruk kepada kapasiti pengeluaran. Pelaburan aset tetap terutamanya aset yang bercirikan automasi perlu ditingkatkan selaras dengan revolusi industri 4.0 (4IR) supaya negara beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Usaha ke arah pembaharuan ekosistem pelaburan perlu dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan."


Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bincian, sila hubungi DOSM di talian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 NOVEMBER 2021**

LAMPIRAN

Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan Stok Modal Bersih (SMB) dan Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) pada Harga Malar 2015



Carta 2: SMB - Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015



Nota: Berdasarkan kepada Measuring Capital OECD Manual 2001, anggaran stok modal memberikan maklumat mengenai stok modal yang wujud dalam sebuah ekonomi pada satu masa tertentu. Stok modal terdiri daripada semua aset tetap seperti mesin, peralatan, bangunan dan struktur lain yang digunakan oleh perusahaan untuk memberikan input perkhidmatan modal ke dalam proses pengeluaran. Ini adalah salah satu input dalam proses pengeluaran yang dapat digunakan untuk menganggarkan potensi output masa hadapan. Terdapat tiga ukuran stok modal yang berbeza: kasar, bersih dan produktif.